



SIARAN MEDIA

KERAJAAN WAJIBKAN FASILITI KITAR SEMULA DI SEMUA PUSAT MEMBELI BELAH SECARA BERPERINGKAT MULAI JUN 2026

PUTRAJAYA, 6 JUN 2026 - Kerajaan MADANI melalui Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang semalam telah bersetuju mewajibkan **penyediaan Fasiliti Pengitaran Semula (FPS) di pusat membeli-belah** sebagai salah satu syarat permohonan dan pembaharuan lesen premis di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Jun 2026.

Pelaksanaan inisiatif ini akan dimulakan dengan fasa libat urus dan program kesedaran bagi menggalakkan penyertaan sukarela pengusaha pusat membeli-belah, diikuti pelaksanaan projek rintis di PBT terpilih bagi menilai keberkesanan mekanisme pelaksanaan. Seterusnya, penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berfasa sebelum diperluaskan kepada pematuhan mandatori melibatkan semua pusat membeli-belah di seluruh negara.

Keputusan ini merupakan langkah strategik Kerajaan dalam memperkukuh pengurusan sisa pepejal negara, memudahkan akses orang ramai kepada kemudahan kitar semula serta mempercepat peralihan ke arah ekonomi kitaran yang lebih mampan. Cadangan ini juga akan diangkat untuk pertimbangan Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) bagi memastikan pelaksanaannya dapat diselaraskan secara menyeluruh di peringkat Kerajaan Negeri dan PBT.

Langkah ini amat signifikan memandangkan Malaysia menjana lebih 39,000 tan sisa pepejal setiap hari. Justeru, pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan bagi meningkatkan kadar kitar semula negara, menyokong pelaksanaan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (*Extended Producer Responsibility* – EPR) serta mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sisa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat serta memelihara kelestarian alam sekitar.

“Pusat membeli-belah merupakan antara lokasi yang paling kerap dikunjungi masyarakat. Dengan mewujudkan fasiliti kitar semula di lokasi strategik ini, rakyat akan mempunyai akses yang lebih mudah untuk mengasing dan menghantar bahan yang boleh dikitar semula secara bertanggungjawab.

Langkah ini bukan sahaja membantu meningkatkan kadar kitar semula negara serta mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, malah merupakan pelaburan jangka panjang ke arah membentuk masyarakat yang lebih prihatin terhadap alam sekitar dan menyokong pembangunan ekonomi yang lebih lestari,” katanya.

Pelaksanaan inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada masyarakat, pengusaha pusat membeli-belah dan PBT melalui penyediaan kemudahan yang lebih mudah diakses, peningkatan kadar pengumpulan bahan kitar semula serta pengukuhan pengurusan data berkaitan aktiviti kitar semula secara lebih sistematik.

Selain menyokong sasaran Kadar Kitar Semula Kebangsaan, pewujudan FPS turut membantu memperkukuh pengurusan sisa pepejal bandar serta meningkatkan skor kemampunan bandar di bawah sistem MURNInets. Orang ramai juga berpeluang menjana nilai ekonomi menerusi program *trash to cash* melalui penghantaran bahan kitar semula ke fasiliti yang disediakan.

Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, KPKT akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri, PBT, pengusaha pusat membeli-belah serta kementerian dan agensi berkaitan dalam menyediakan garis panduan yang jelas dan seragam bagi pelaksanaan inisiatif ini di seluruh negara.

KPKT menyeru semua pihak termasuk kerajaan negeri, PBT, pengusaha pusat membeli-belah, sektor swasta dan masyarakat untuk bersama-sama menjayakan inisiatif ini demi membentuk Malaysia yang lebih bersih, hijau dan mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta agenda pembangunan lestari negara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

